



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/11/2011

Sambutan Jubli Intan Sekolah St Mary meriah

KUALA LUMPUR: Sambutan Jubli Intan Sekolah St Mary Kuala Lumpur berlangsung meriah apabila isteri mantan Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga dikenali 'Ibu Sekolah St Mary' hadir sebagai tetamu kehormat bersama bekas pelajar lain untuk meraikan sambutan 100 tahun penubuhan Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Mary baru-baru ini.

Pengerusi pengelola sekolah, Datuk Stanley Isaacs, berkata tempoh 100 tahun bukan saja mengubah wajah Sekolah St Mary, malah turut memantangkan sekolah itu apabila tahap pencapaian akademik menyerlah, terutama dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga diumumkan antara sekolah terbaik di Wilayah Persekutuan.

"Saya berharap Sekolah St Mary dapat membantu lebih ramai pelajar dan meningkatkan pendidikan negara untuk tempoh 100 tahun lagi, bukan

saja melahirkan pelajar berpendidikan tinggi tetapi juga modal insan berjaya," katanya di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengetua SMK St Mary Goh Hai Bee, Guru Besar SK St Mary, Chai Dee Hoon dan Toh Puan Dr Aishah Ong yang juga bekas pelajar SMK St Mary

Sementara itu, Dr Siti Hasmah berkata, beliau berbangga dengan pencapaian dan perkembangan sekolah itu, terutama dalam akademik.

"Banyak kenangan saya di sekolah ini yang tidak akan dilupakan. Waktu belajar di sini, tidak ramai pelajar Melayu tetapi sekarang, separuh daripada pelajar adalah Melayu.

"Saya nampak dalam tempoh 100 tahun ini, Sekolah St Mary berubah wajah dari segi bangunan dan lokasinya, tetapi paling membanggakan pencapaian akademik sekolah dan kegiatan kokurikulum juga berkembang seiring bidang akademik," katanya.

Beliau berkata, kejayaan Sekolah St Mary dalam bidang akademik hasil

kerja keras guru dan warga sekolah berasaskan perancangan strategik selaras visi sekolah melahirkan modal insan berjaya pada masa depan.

"Sekolah St Mary perlu berdepan pelbagai cabaran terutama persaingan mencapai kecemerlangan dalam pendidikan negara dan saya yakin, mereka mampu melaksanakannya.

"Malah, sekolah ini antara 10 yang terbaik di Wilayah Persekutuan kerana keputusan cemerlang dalam SPM dan PMR," katanya.

Kakitangan Telekom Malaysia, Nurul Ain Zainuddin, 34, yang bersekolah di situ selama lima tahun pada 1990 hingga 1994 dan tamat Tingkatan Lima sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Teknologi Mara (UiTM), dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik, bangga dengan kejayaan sekolahnya

"Saya bangga kerana sekolah ini melahirkan ramai insan berjaya dan terkenal, termasuk Dr Siti Hasmah, Allahyarham Tun Hendon Mahmood dan pelakon, Datin Seri Tiara Jacquelina," katanya.



PERSEMBAHAN murid SMK St Mary pada majlis pelancaran sambutan ke-100 tahun sekolah itu.



SITI HASMAH (tengah) merasmikan 'Heritage Room' sempena majlis pelancaran sambutan ke-100 tahun SMK St Mary Kuala Lumpur.